

D238

U B863 AAB
MAHATHIR RRR

KUALA LUMPUR, 28 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYELAR MEREKA YANG MENGUTAMAKAN POPULARITI DAN SANJUNGAN OLEH SATU-SATU GOLONGAN DENGAN SENGAJA MENIMBULKAN ISU-ISU YANG AKAN MEMBAWA KEPADA PERPECAHAN UMMAH.

+TINDAKAN MEREKA AMAT JELAS TERKELUAR DAN LARI DARIPADA PRINSIP-PRINSIP POKOK DAN AJARAN ISLAM YANG MENYURUH KITA BERSATUPADU DAN MELARANG BERPECAH-BELAH,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN SEMINAR ANTARABANGSA MENGENAI PERPADUAN UMMAH DI PUSAT ISLAM DI SINI.

BELIAU BERKATA WALAUPUN SOAL PERPADUAN UMMAH MERUPAKAN SOAL POKOK YANG AMAT PENTING SEKALI BAGI MASA HADAPAN DAN +SURVIVAL+ MASYARAKAT ISLAM, ADA GOLONGAN ORANG YANG BERFIKIR DAN MENGANGGAP BAHAWA SOAL PERPADUAN ITU TIDAK PENTING.

+PADA TANGGAPAN MEREKA, SOAL PERPADUAN UMMAH ADALAH LUMRAH ALAM,+ KATANYA, SAMBIL MENAMBAH PADAHAL IANYA JUGA MERUPAKAN IKATAN DAN NADI KEKUATAN UMMAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGGESA GOLONGAN YANG INGINKAN PERUBAHAN DENGAN MENGGUNAKAN PENDEKATAN-PENDEKATAN YANG KETERLALUAN YANG JELAS MENYELEWENG DARIPADA AJARAN ISLAM, SUPAYA MENUKAR SIKAP BAGI MENENTUKAN PERUBAHAN YANG MEREKA INGINKAN TIDAK DITENTANG ATAU DITOLAK. -- LAGI
1153MST 28 09 87

U B865 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+...JIKA KITA MAHU ORANG MENERIMA SESUATU PERKARA YANG BAIK YANG KITA UTARAKAN, MAKA KITA HENDAKLAH MEMIKIRKAN BAGAIMANAKAH STRATEGI, CARA DAN PENDEKATAN YANG HARUS KITA LAKUKAN SUPAYA PERKARA ITU DAPAT DITERIMA DENGAN BAIK,+ KATANYA.

LAUNGAN YANG PENUH BERSEMANGAT YANG MEMBELAKANGKAN TATASUSILA DAN PRINSIP-PRINSIP AKHLAK ISLAMIAH, KATA PERDANA MENTERI, TIDAK AKAN MEMBUAHKAN SESUATU YANG BAIK, TETAPI SEBALIKNYA USAHA ITU SENDIRI AKAN MEMBAWA KESAN YANG BURUK DAN MEMBAWA KEPADA TENTANGAN YANG HEBAT DAN PERPECAHAN.

TENTANGAN ITU BIASANYA MENINGKATKAN LAGI SEMANGAT SEHINGGA KE PERINGKAT KETERLALUAN DAN KERANA KETERLALUAN ITU, MESEJ YANG ABAL AKAN DILUPAKAN DENGAN PERMUSUHAN ANTARA PIHAK YANG TERLIBAT AKAN BERLAKU.

+JELASLAH BAHAWA MEMBELAKANGKAN TATASUSILA DAN PRINSIP-PRINSIP AKHLAK ISLAMIAH DALAM USAHA MENGEMBANGKAN AJARAN ISLAM TIDAK AKAN MENGHASILKAN MATLAMAT YANG DITUJUI, TETAPI SEBALIKNYA MENGHALANG PERPADUAN UMMAH,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

ISLAM AMAT MENENTANG SEGALA BENTUK EKSTREMISM, SAMA ADA IA BERBENTUK PERCAKAPAN, TINDAKAN, PENDEKATAN DAN SEBAGAINYA KERANA IA BUKAN SAHAJA MENGANCAM KEHARMONIAN, KEAMANAN DAN KEDAMAIAN SESEBUAH MASYARAKAT, BAHKAN JUGA AKAN MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA. -- LAGI
1204MST 28 09 87

U B869 AAB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PENENTANGAN ISLAM TERHADAP SIKAP ITU BUKAN SAHAJA TERTAKLUK KEPADA SATU BANGSA ATAU PUN SATU AGAMA, BAHKAN JUGA KEPADA SEMUA BANGSA DAN AGAMA, KATANYA.

+DENGAN SEBAB ITULAH ISLAM MENGANJURKAN KEPADA KITA SUPAYA MENGAMALKAN PRINSIP KESEDERHANAAN DAN BERTINDAK DENGAN CARA HIKMAH, SAMA ADA DARIPADA SEGI PENDEKATAN, STRATEGI, CARA DAN SEBAGAINYA,+ KATA PERDANA MENTERI DENGAN MENYEBUT AYAT 143 DARIPADA SURAH AL BAQARAH.

AYAT ITU BERMaksud, +KAMI JADIKAN KAMU WAHAI MUHAMMAD SATU UMAT PILIHAN LAGI ADIL, IAITU SUATU UMAT PERTENGAHAN (YANG SEDERHANA) SUPAYA KAMU LAYAK MENJADI ORANG YANG MEMBERI KETERANGAN KEPADA UMAT MANUSIA.+

JELAS, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, BAHAWA KESEDERHANAAN ADALAH MERUPAKAN SUATU PRINSIP YANG DITUNTUT DI DALAM ISLAM KERANA DARIPADA SIKAP DAN TINDAKAN YANG SEDERHANALAH AKAN LAHIR KEADILAN.

+DARIPADA KEADILAN INILAH AKAN LAHIR SEBUAH MASYARAKAT YANG HARMONI DAN AMAN DAMAI,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH, BENTUK DAN SIKAP KESEDERHANAAN ITULAH MENJADI KAYU PENGUKUR, +SAMA ADA KITA LAYAK ATAU PUN TIDAK UNTUK JADI ORANG YANG BOLEH MEMBERI KETERANGAN DAN KEADILAN KEPADA ORANG LAIN.+ -- LAGI

1214MST 28 09 87

U B874 AAB
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

MENYENTUH MENGENAI TUDUHAN PERCUBAAN ORANG-ORANG KRISTIAN MENGKRISTIKAN ORANG ISLAM DI NEGARA INI, PERDANA MENTERI BERKATA SELISIH FAHAM ANTARA PENGANTU-PENGANUT AGAMA YANG BERLAINAN AMATLAH BERBAHAYA.

BELIAU MENGAMBIL CONTOH LUBNAN YANG HANCUR KERANA PERMUSUHAN DI ANTARA KRISTIAN DAN ISLAM, IRELAND UTARA KERANA PERMUSUHAN DI ANTARA KATHOLIK DAN PROTESTANT, PUNJAB ANTARA ORANG SIKH DAN HINDU, INDIA ANTARA ORANG HINDU DAN ISLAM DAN IRAN DAN IRAQ ANTARA SHIAH DAN SUNNI.

OLEH KERANA BAHAYANYA PERSELISIHAN ANTARA PENGANUT AGAMA YANG BERLAINAN, PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT HARUS BERHATI-HATI APABILA MEMBUAT KENYATAAN BERKENAAN DENGAN PERKARA YANG MUNGKIN MEMBAWA KEPADA RUSUHAN ANTARA PENGANUT BERBAGAI AGAMA DI NEGARA INI.

BELIAU MENGULANGI KENYATAANNYA MENGENAI DAKWAAN ORANG KRISTIAN MENGKRISTIKAN ORANG MELAYU DENGAN BERKATA, +BUKTI YANG JELAS TIDAK ADA, SELAIN DARIPADA ORANG KRISTIAN YANG MEMELUK AGAMA ISLAM KERANA BERKAHWIN, ATAU LAIN-LAIN SEBAB, YANG KEMUDIANNYA BALIK KE AGAMA KRISTIAN KERANA KECEWA DENGAN SESUATU.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP DAKWAAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ITU TIDAK DIBUAT LAGI KERANA +KITA TIDAK MAHU RUSUHAN DI NEGARA INI ANTARA PENGANUT AGAMA-AGAMA, SEDANGKAN PERPADUAN ANTARA UMAT ISLAM SENDIRI TIDAK BEGITU TEGUH.+

+KITA SUDAH BERPISAH SESAMA KITA DENGAN IMAM YANG BERASINGAN, MASJID DAN KUBUR BERASINGAN, MENERJAKAN HAJI BERASINGAN DAN SEKARANG PERCUBAAN MENDIRIKAN KAMPUNG UNTUK MEMISAHKAN ANTARA ISLAM DENGAN ISLAM.

+JIKA PERSELISIHAN DENGAN AGAMA LAIN PULA BERLAKU, MAKA NEGARA KITA TIDAK AKAN AMAN LAGI,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA KESAL DENGAN TIMBULNYA SOAL MURTAD BAGI MENGGANTIKAN SOAL KAFIR-MENKAFIR KERANA IA MENYUKARKAN PERPADUAN DI KALANGAN UMAT ISLAM.

SEBANYAK TUJUH KERTAS KERJA AKAN DIBENTANGKAN DI SEMINAR TIGA HARI ITU YANG DISERTAI OLEH KIRA-KIRA 250 ORANG DARI PELBAGAI NEGARA, TERMASUK INDONESIA, JORDAN, KUWAIT, PAKISTAN, MESIR, ARAB SAUDI DAN ENGLAND. -- BERNAMA

1236MST 28 09 87